

## KAJIAN AWAL KERANGKA UNDANG-UNDANG SEDIA ADA BAGI ANAK TAK SAHTARAF

Azizah Binti Mat Rashid<sup>1</sup>, Nor 'Adha Binti Abdul Hamid<sup>2</sup>

[azizahrashid@kuis.edu.my](mailto:azizahrashid@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [noradha@kuis.edu.my](mailto:noradha@kuis.edu.my)<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

Anak tak sahtaraf yang dikenali di sisi undang-undang adalah merujuk kepada anak luar nikah sebagaimana yang difahami umum. Kelahirannya dilihat sebagai suatu isu yang serius dan perlu ditangani kerana walaupun hukum syarak telah jelas mengharamkan perbuatan yang membawa kepada kelahirannya, tetapi pengkaji berpandangan bahawa masalah ini seolah-olah tidak mempunyai kesudahan kerana dalam kebanyakan kes buang bayi yang dilaporkan, ia melibatkan bayi tak sahtaraf. Permasalahan ini dipercayai berpunca daripada pelbagai krisis akhlak yang merangkumi pelbagai tingkahlaku dan perbuatan tidak bermoral seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, sumbang mahram dan zina. Hal ini menggambarkan betapa masyarakat kita sedang berhadapan dengan masalah keruntuhan akhlak yang sangat serius. Kajian ini dibuat bagi mengenalpasti sejauh mana kerangka undang-undang sedia ada mampu menyelesaikan masalah kelahiran anak tak sahtaraf. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis dokumen-dokumen seperti peruntukan undang-undang, jurnal, artikel dan penulisan ilmiah berkaitan. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa peruntukan berkaitan anak tak sahtaraf dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dan beberapa peruntukan berkaitan kesalahan akhlak yang dipercayai menjadi punca kepada kelahiran anak tak sahtaraf dalam Undang-undang Jenayah Syariah yang boleh diberi perhatian serius dalam usaha menangani masalah kelahiran anak tak sahtaraf.

**Kata Kunci:** Anak tak sahtaraf, Akhlak, Keruntuhan, Penyelesaian, Undang-undang Jenayah.

## **1.0 PENGENALAN**

Anak luar nikah merupakan istilah lain bagi anak tak sahtaraf yang mana kelahirannya mengundang pelbagai persepsi dalam masyarakat. Beruntunglah seorang anak tak sahtaraf yang mendapat sepenuh perhatian dan kasih sayang daripada seluruh ahli keluarga dan masyarakat. Ini kerana dalam kebanyakan kes, seorang anak luar nikah yang dilahirkan akan dibuang, dicampak, dan diperlakukan dengan penuh tragis yang berakhir dengan kematian. Ia dilakukan bagi tujuan menutup keaiban kelahiran anak tak sahtaraf dari pengetahuan umum yang menjadi bukti kepada perlakuan maksiat yang telah dilakukan.

Kelahiran anak tak sahtaraf bukan sekadar melanggar prinsip maqasid syariah, malah ia turut memberi implikasi besar seperti yang digariskan oleh JAKIM sebagaimana berikut:

- i. Penamaan dan nasab
- ii. Pergaulan dan hubungan
- iii. Nafkah
- iv. Penjagaan
- v. Harta pusaka
- vi. Perwalian (jika anak tersebut perempuan)
- vii. Kematian
- viii. Pertukaran status anak tak sah taraf
- ix. Amal kebajikan

Garis panduan ini menjelaskan beberapa hukum berhubung permasalahan berkaitan anak tak sahtaraf taraf dan ia sangat penting untuk dianalisa di dalam kajian ini. Ini sekaligus membuktikan betapa pentingnya kelahiran anak tak sahtaraf ditangani (JAKIM 1998).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan mengenai Anak Tak Sah Taraf dan memutuskan seperti berikut:

a. Anak Tak Sah Taraf ialah:

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
2. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

b. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.

Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.

Dr. Abdul Karim Zaidan berpandangan pendapat yang lebih kuat menegaskan bahawa anak zina tidak disabitkan nasabnya kepada lelaki pezina sama ada lelaki pezina itu berkahwin dengan perempuan yang dizina yang hamil itu dan melahirkan anak kurang dari enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan, atau pun tidak berkahwin, yang kemudiannya melahirkan anak zina. Walau bagaimana pun jika lelaki pezina itu menuntut disabitkan anak zina itu kepadanya dengan dia tidak menyatakan yang anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya, maka anak itu hendaklah dinasabkan kepada lelaki zina itu mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan. Demikian juga kedudukan hukumnya jika lelaki itu berkahwin dengan perempuan yang dizina yang hamil dan melahirkan anak kurang dari enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan, yang mana lelaki itu berdiam diri atau dia menuntut disabitkan anak zina itu kepadanya dengan dia tidak menyatakan yang anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya, maka anak itu hendaklah dinasabkan kepada lelaki zina itu mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan (*Al-Mufassol fi Ahkamil Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'atil Islamiyyah*, 1997).

Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor mendefinisikan anak tak sahtaraf sebagai anak yang lahir di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah. Selaras dengan perkembangan teknologi yang berlaku begitu pantas pada hari ini, penetapan sesuatu hukum dalam segenap aspek perlu mengambilkira perkembangan teknologi yang berlaku. Begitu juga dalam hukum pensabitan anak tak sahtaraf. Bagi penghasilan bayi melalui kaedah tabung uji yang menggunakan air mani selain air mani suami, hukumnya adalah haram (Dr Yusuf al-Qardhawi, 1995) Huraian ini membuka satu ruang kajian untuk melihat dan menilai definisi anak tak sah taraf dalam kerangka undang-undang sedia ada sama ada memadai untuk meliputi kelahiran anak melalui proses penanaman air mani yang bukan bersumber air mani suami. Perbincangan berhubung persoalan ini perlu dikembangkan dengan lebih mendalam dalam bentuk kajian Ph.D atau perundangan berkaitan. Selaras dengan kajian Ph.D yang sedang dijalankan oleh penulis, persoalan ini merupakan antara isu dan elemen yang utama akan diutarakan dalam kupasannya.

Sebelum dikenali sebagai anak tak sahtaraf, mereka disebut sebagai “*Anak Zina*”. Kemudian sebutan itu dilunakkan sedikit menjadi “*Anak Luar Nikah*” dan akhirnya dilunakkan lagi sebagai “*Anak Tak Sah Taraf*”. Walau apa pun gelaran mereka, ia tetap merujuk kepada golongan yang sama. Dalam agama Islam, hubungan antara lelaki dan wanita berkenaan perlu dimeterai dengan ikatan keagamaan. Tanpa ikatan seperti itu anak yang dilahirkan dianggap anak zina yang tidak mempunyai apa-apa kaitan yang boleh dihormati dengan bapa biologinya (Paizah Hj Ismail, 2013). Pandangan ini jelas menunjukkan bahawa perbezaan pada istilah tidak memberikan apa-apa kesan kerana hakikatnya ia merujuk kepada anak yang lahir tanpa ikatan perkahwinan yang sah.

Laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara sejak 2008 hingga 2012 yang mana mendedahkan bahawa terdapat kira-kira 167,073 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa maklumat bapa. Ini bermakna secara purata 33,415 bayi dilahirkan dalam tempoh setahun, 2,784 bayi (sebulan), 93 bayi (sehari) dan empat bayi (sejam). Statistik itu dijangka lebih tinggi jika mengambil kes membabitkan pengguguran haram atau pembuangan bayi yang dipaparkan tetapi tidak direkodkan (Berita Harian Online, 21/3/2013). Kelahiran anak tak sah taraf yang begitu ramai

sebenarnya telah memberi bayangan kepada kita tentang betapa seriusnya perbuatan maksiat yang dilakukan sehingga menyebabkan ramainya anak tak sah taraf dilahirkan. Kajian mendapati bahawa kelahiran anak tak sahtaraf mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan masalah keruntuhan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Bagi menunjukkan perkaitan tersebut, Penulis turut menjelaskan konsep akhlak dan kesan terhadap keruntuhannya yang membawa kepada kelahiran anak tak sahtaraf.

### **Akhlik: Dimensi Kepentingannya**

Akhlik difahami sebagai sikap, sifat atau tingkahlaku yang menentukan peribadi atau perlakuan seseorang. Imam al-Ghazali mendefinisikan akhlak sebagai suatu disposisi yang mantap dalam jiwa manusia dan darinya segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan deliberasi. Sekiranya disposisi tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan yang mulia menurut akal dan syariat, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Jika sebaliknya, ia merealisasikan perbuatan yang buruk direalisasikan, maka ia dinamakan akhlak yang buruk (Mohd. Nasir Omar, 2005).

Akhlik penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa. Akhlak yang baik memberikan dimensi bahawa ianya akan melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi. Oleh yang demikian, tanggungjawab membentuk akhlak merupakan satu agenda yang besar sehingga Allah swt telah mengutuskan seorang nabi bagi tujuan tersebut. Rasulullah saw bersabda dalam sebuah hadis "Bahawasanya aku ini diutus untuk menyempurnakan akhlak" (riwayat Ahmad, al-Hakim dan Baihaqi).

Ukuran dan dimensi kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan negara perlu bersandarkan kepada indikator seperti penghayatan nilai murni, akhlak mulia dan etika ketamadunan yang baik. Ia merangkumi peningkatan taraf sosial masyarakat berkaitan aspek keagamaan, moral dan pengamalan gaya hidup sihat yang disulami dengan kefahaman dan penghayatan yang baik meliputi rohani, jasmani, emosi serta intelek yang seimbang. (Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar Timbalan Mufti Selangor, 2012). Penjelasan ini menunjukkan bahawa ketinggian akhlak jauh

lebih penting dalam pembentukan tamadun dan kecerdikan akal atau kecanggihan teknologi semata-mata bukanlah menjadi indikator sebenar.

Rasulullah saw telah menjelaskan bahawa iman dapat melahirkan akhlak dan budi pekerti yang baik, jika sebaliknya, maka rosaklah akhlak menerusi sabdanya yang bermaksud "Rasa malu dan iman adalah sama, apabila salah satu daripadanya hilang, maka yang lain akan hilang juga" (hadis riwayat al-Hakim dan at-Tabarani). Hakikatnya, keruntuhan akhlak seperti sumbang mahram, khalwat, zina dan hamil luar nikah yang berleluasa berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah memadai untuk membuktikan bahawa rasa malu yang sepatutnya menjadi lambang keimanan seseorang sebenarnya telah hilang dan mencemarkan identiti Islam.

Dimensi akhlak dan kesopanan turut digariskan sebagai ciri yang kelima dalam membentuk sebuah masyarakat Islam. Ia merujuk kepada masyarakat adil, ihsan, kebajikan, kerahmatan, kebenaran, amanah, kesabaran, kesetiaan, sifat malu, kesucian, kemuliaan, tawadduk, pemurah, berani, kesatriaan, keutamaan, dedikasi, pengorbanan, bermaruah, membantu, kebersihan, berhias, berjimat, berhemat, bertolak ansur, berlembut, nasihat-menasihati, saling membantu, menjaga kehormatan, mengawal hawa nafsu, marah kerana benar, cintakan kebaikan, mendahulukan kepentingan orang lain, berbuat baik kepada kesemua makhluk terutama kepada ibu bapa, memelihara hubungan silaturrahim, menghormati jiran, menyeru manusia ke arah kebaikan, amar ma'ruf nahi mungkar... serta setiap sifat mulia, ciri-ciri terhormat dan budi pekerti yang luhur (Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi 2012). Ciri-ciri masyarakat Islam yang digariskan ini menuntut masyarakat Islam memelihara maruah, kehormatan diri dan mengawal hawa nafsu. Namun, realiti masyarakat kita pada hari ini telah menunjukkan keperibadian yang bertentangan dengan ciri yang perlu ada dalam membentuk masyarakat Islam.

Krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti budaya lepak, sumbang mahram, berkelakuan tidak sopan di khalayak umum, hamil luar nikah dan apa yang lebih membimbangkan ialah peningkatan kes buang bayi. Pendekatan pencegahan yang digunakan dalam menangani krisis ini perlu dilakukan secara holistik meliputi pelbagai aspek seperti mengarusperdanakan pendidikan agama atau sivik,

pendekatan agama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, psikologi, perundangan dan sebagainya.

## **2.0 KAJIAN AWAL KERANGKA UNDANG-UNDANG SEDIA ADA**

Allah swt berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka al-kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan (al-Hadid: 25). Allah swt berfirman dalam ayat lain yang bermaksud "Sesungguhnya kami telah menurunkan al-Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah swt wahyukan kepadamu (al-Nisa': 105). Kedua-dua ayat ini menunjukkan kepentingan undang-undang dan penghakiman dalam kehidupan bagi mengatur perlakuan manusia.

Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi menyatakan bahawa pensyariatian atau perundangan merupakan nilai kekuatan yang utama bagi sesebuah masyarakat. Sesebuah masyarakat memerlukan kepada perundangan untuk mengatur perhubungannya dan menghukum sesiapa yang menyeleweng dari kaedahnya sama ada perundangan ini turun dari langit atau keluar dari bumi. Hati nurani dan dorongan-dorongan jiwa tidak mencukupi buat manusia secara umum untuk memelihara keselamatan masyarakat serta strukturnya dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan di kalangan manusia (Yusuf Qardhawi, 2012).

Bagi mengenalpasti sejauhmana kedudukan anak tak sahtaraf dalam kerangka undang-undang sedia ada, penulis merujuk untuk kerangka awal kajian ini kepada undang-undang berikut:

### **Undang-undang Peringkat Persekutuan**

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299).

Seksyen 13 memperuntukkan :-

Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.

Seksyen 13A, Akta yang sama memperuntukkan :-

(1) Nama keluarga, jika ada, yang hendak dicatatkan berkenaan dengan anak sahtaraf hendaklah secara biasanya menjadikan nama bapa sebagai nama keluarganya, jika ada.

(2) Nama keluarga, jika ada, yang hendaklah dicatatkan berkenaan dengan anak tak sah taraf boleh jika ibunya adalah pemberitahu dan secara sukarela memberi maklumat itu, menjadikan nama ibunya sebagai nama keluarganya; dengan syarat bahawa jika orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut peruntukan seksyen 13 meminta sedemikian, maka nama keluarga bolehlah diletak atas nama keluarga orang itu.

Berdasarkan peruntukan di atas, penulis berpandangan bahawa seorang bapa biologi kepada anak tak sahtaraf tidak bertanggungjawab untuk memberi maklumat berhubung kelahiran anak tersebut dan pendaftar tidak perlu mencatat butiran berhubung bapa kepada anak tersebut, melainkan atas permintaan secara bersama oleh orang yang mengakui ibu dan bapa kepada anak tersebut. Penulis berpandangan bahawa satu kajian yang lebih mendalam secara lapangan melalui temuramah dengan pihak pelaksana undang-undang perlu dilakukan bagi melihat pemakaian dan implikasinya terhadap masalah yang dikaji.

ii. Kanun Keseksaan



Kajian dibuat terhadap Kanun Keseksaan bagi melihat sejauh mana ia membantu bagi menangani masalah kelahiran anak tak sahtaraf. Undang-undang ini ternyata penting dalam memperuntukkan balasan dan pengajaran kepada pelakunya.

Kabinet memutuskan kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh bagi memastikan perbuatan tidak berperikemanusiaan itu menerima hukuman berat. Kes bunuh disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati, manakala kes percubaan membunuh mengikut Seksyen 307 kanun sama membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun ( Berita Harian Online, 13/8/2010)

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan, Wanita dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), Selangor mencatatkan kes tertinggi iaitu lima kes, diikuti Sabah empat kes dan Sarawak dan Negeri Sembilan masing-masing tiga kes. Beliau juga memaklumkan sejak 2011 hingga 2013, 46 wanita telah diambil tindakan kerana kesalahan membuang bayi (Berita Harian Online, 19/6/2014).

### iii. Akta Anti Pamerdagangan Orang 2007

Penulis berpandangan akta ini mampu memainkan peranan penting dalam menangani masalah kelahiran anak tak sahtaraf kerana ia diwujudkan sebagai langkah menangani kes pamerdagangan manusia di Malaysia. Eksploitasi kanak-kanak turut dilindungi di bawah akta ini, maka amatlah wajar untuk diberi perhatian dibimbangi anak yang berstatus tak sah taraf akan lebih terdedah menjadi mangsa pamerdagangan manusia (Gusni Saat, 2007).

### **Undang-undang Peringkat Negeri**

Bagi melihat kedudukan anak tak sahtaraf dalam undang-undang di peringkat negeri, penulis telah memilih untuk mengkaji undang-undang di Negeri Selangor sebagai model undang-undang peringkat negeri atas justifikasi bahawa Selangor adalah negeri yang mencatatkan jumlah kes

buang bayi paling ramai dengan kepadatan penduduk yang agak tinggi. Dua enakmen penting dirujuk sebagaimana berikut:

i. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003

Seksyen 2 memberikan tafsiran bahawa anak tak sah taraf merujuk kepada anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah. Peruntukan ini tidak mencakupi anak tak sahtaraf yang dilahirkan melalui teknologi yang tidak mematuhi syarak seperti penghasilan bayi tabung uji yang tidak menggunakan benih yang sah.

Seksyen 111 memperuntukan bahawa jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara lia'n atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan mahkamah. Menurut peruntukan ini, seorang lelaki yang dikahwini seorang perempuan hendaklah disifatkan sebagai bapa sekiranya perempuan itu melahirkan seorang anak dalam tempoh yang telah dinyatakan. Menurut Dr. Juanda, Mufti Perlis, terdapat satu dalil mantuq iaitu sebuah hadis dalam sahih Bukhari dan Muslim yang menyebut bagaimana Rasulullah mengiktiraf nasab seorang anak selepas bapanya mengakui bahawa anak itu adalah anaknya tanpa mempersoalkan apa-apa (Utusan Online, 25/2/2012).

Seksyen 81 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seorang perempuan memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah jika perempuan tersebut cuai atau enggan menanggung anaknya yang tak sahtaraf. Peruntukan ini memberi satu tafsiran bahawa tanggungjawab memberi nafkah ke atas anak tak sahtaraf adalah ke atas ibu. Ini adalah kerana tiada mana-mana peruntukan yang meletakkan kewajipan memberi nafkah terhadap anak tak sahtaraf ke atas atas lelaki. Memandangkan kelahiran anak tak sahtaraf semakin bertambah, kewujudan seksyen ini secara tidak langsung dilihat memberi sedikit ruang kepada kelahiran

anak tak sahtaraf kerana seorang bapa biologi kepada anak tersebut tidak merasakan bertanggungjawab terhadap anak tersebut khususnya dalam memberi nafkah.

Seksyen 115 memperuntukan bahawa jika seseorang lelaki mengaku seorang lain, sama ada dengan nyata atau dengan tersirat, sebagai anaknya yang sah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu jika, syarat-syarat yang berikut dipenuhi, iaitu

- (a) tiada seseorang lain disifatkan sebagai bapa anak itu;
- (b) perbezaan antara umur lelaki itu dengan umur anak itu memunasabahkan pertalian antara mereka sebagai bapa dan anak;
- (c) jika anak itu telah akil baligh, di mana dia boleh membuat keputusan, anak itu telah mempersetujui tentang dia diakui sebagai anak;
- (d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh disatukan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pembenihan;
- (e) pengakuan itu bukannya cuma mengakui anak itu sebagai anaknya, bahkan mengakui anak itu sebagai anak sahtarafnya;
- (f) lelaki itu adalah berkeupayaan membuat kontrak;
- (g) pengakuan itu dibuat dengan tujuan semata-mata untuk memberi taraf kesahtarafan; atau
- (h) pengakuan itu adalah jelas maksudnya dan anak itu adalah diakui sebagai anak kandungannya;

Seksyen 116 adalah berkaitan anggapan yang berbangkit dari pengakuan yang dibuat oleh seseorang bahawa dia adalah bapa kepada seseorang yang diakuinya sebagai anak boleh dipatahkan hanya dengan—

- (a) penolakan di pihak orang yang telah diakui sebagai anak itu;
- (b) bukti bahawa perbezaan umur antara pihak yang mengaku dan pihak yang diakui adalah sebegitu kecil, atau bahawa umur pihak yang diakui adalah sebegitu tinggi, hingga menyebabkan pertalian yang dikatakan itu mustahil dari segi fizikal;
- (c) bukti bahawa pihak yang diakui itu adalah sebenarnya anak seorang lain; atau

(d) bukti bahawa ibu anak itu tidak mungkin menjadi isteri yang sah kepada pihak yang mengaku pada masa percantuman benih anak itu.

Seksyen 120 berhubung pengakuan yang tidak boleh dibatalkan yang mana sesudah sahaja pengakuan atau pengesahan dibuat tentang pertalian sebagai bapa dan anak atau tentang perkeluargaan atau persaudaraan, maka pengakuan atau pengesahan tersebut tidak boleh dibatalkan.

ii. Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

Penelitian terhadap undang-undang ini mendapati bahawa ianya menyediakan peruntukan berhubung kesalahan-kesalahan berkaitan akhlak sebagaimana berikut:

Seksyen 22. [Perbuatan sumbang mahram.](#)

Seksyen 23. [Pelacuran.](#)

Seksyen 24. [Muncikari.](#)

Seksyen 25. [Persetubuhan luar nikah.](#)

Seksyen 26. [Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan perisetubuhan luar nikah.](#)

Seksyen 27. [Hubungan jenis antara orang yang sama jantina.](#)

Seksyen 28. [Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii.](#)

Seksyen 29. [Khalwat.](#)

Seksyen 30. [Lelaki berlagak seperti perempuan.](#)

Seksyen 31. [Perbuatan tidak sopan di tempat awam.](#)

Perlakuan-perlakuan di atas jelas menjadi punca kepada hamil luar nikah yang akan melahirkan anak tak sahtaraf jika tidak dibendung dengan bersungguh-sungguh dari peringkat kesalahan yang lebih kecil kerana ia mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Penulis berkeyakinan bahawa undang-undang mampu memberi penyelesaian kepada masalah sosial sekiranya dilaksanakan secara berkesan.

Hasil kajian awal yang dilakukan oleh penulis turut mendapati bahawa hampir kesemua undang-undang keluarga Islam dan undang-undang Jenayah syariah bagi kesemua negeri mempunyai peruntukan yang sama dengan sedikit perbezaan pada istilah. Tetapi ia masih boleh diharmonikan bagi menyesuaikan dengan pelbagai keperluan semasa. Beberapa langkah penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada perlu dilakukan agar pelaksanaannya lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, ianya mestilah mematuhi prinsip sebagaimana yang digariskan oleh Abd qadir Audah, 1998 seperti berikut (Zaini Nasoha, 2008):

1. Hukuman hendaklah menjadi pencegah perlakuan jenayah dan menjadi pengalaman yang memeritkan selepas penjenayah mengalaminya serta menjadi peringatan kepada orang lain supaya takut untuk melakukan kesalahan tersebut.
2. Batasan hukuman adalah berdasarkan keperluan masyarakat.
3. Sekiranya keperluan masyarakat terhadap kesan daripada sesuatu perbuatan jenayah itu sampai ke tahap perlu menghapuskan penjenayah atau menjauhkannya, maka hukuman yang sesuai dan perlu adalah hukuman mati atau penjara seumur hidup.
4. Setiap hukuman yang diperuntukan oleh syarak adalah untuk kebaikan individu dan melindungi masyarakat.
5. Pelaksanaan sesuatu hukuman bukan bertujuan membalas dendam.

Prinsip-prinsip ini perlu diteliti bagi melihat sama ada hukuman sedia ada memenuhi prinsip tersebut. Hukuman yang tidak mematuhi prinsip-prinsip tersebut mungkin menyebabkan hukuman yang dijatuhkan tidak berupaya mencapai objektif penghukuman.

Dalam satu kajian yang dibuat berhubung kes-kes jenayah seksual dan hukuman yang dikenakan membabitkan keputusan kes-kes di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah setiap daerah di Negeri Sembilan, hasil kajian merumuskan bahawa kebanyakan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan tersebut berbentuk hukuman denda sahaja walaupun hakikatnya terdapat hukuman alternatif seperti penjara yang boleh dilaksanakan (Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim, Nazura Abdul Manap, 2012).

### **3.0 RUMUSAN**

Anak tak sahtaraf mempunyai perkaitan yang rapat dengan masalah akhlak kerana kepincangan akhlak akan membawa kepada kerosakan nasab jika ianya melibatkan kelahiran anak tak sahtaraf. Pembentukan akhlak yang baik akan membawa kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat yang harmoni dengan perlindungan dan jaminan terhadap nasab.

Kewujudan kelompok individu yang menghayati dan menjiwai ajaran Islam sebagaimana dicontohkan oleh Rasulullah saw akan berjaya membina kehidupan yang bebas dari sebarang anasir maksiat yang membawa kepada kelahiran anak tak sahtaraf. Justeru, dalam usaha mengatasi masalah kelahiran anak tak sahtaraf, fungsi syariat dan perundangan merupakan suatu kewajipan dan tidak harus diketepikan bahkan perlu diangkat sebagai kaedah utama ke arah membentuk akhlak yang dituntut dalam Islam. Kewujudan peruntukan undang-undang dalam kerangka sedia ada sama ada di peringkat persekutuan dan negeri sebagaimana yang telah dikenalpasti wajar diperhalusi kesesuaiannya berdasarkan isu-isu semasa yang semakin menular di dalam masyarakat Islam agar dimensi kerangka peruntukan undang-undang ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin dan mampu menjadi benteng salah laku dalam pembentukan umat Islam yang sejati.

## RUJUKAN

Abdul Majid bin Omar Timbalan Mufti Selangor, 2012, Kertas kerja ini dibentangkan pada Kempen 'Sah Nikah, Sah Nasab', anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM, 18 Mac 2013, di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor.

Al-Mufassol fi Ahkamil Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'atil Islamiyyah, juzuk kesembilan, percetakan Muassasah Al-Risaalah, Beirut, Lebanon, cetakan ketika 1417H/1997M., pada muka surat 384, atau pada butiran 9924.

Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim, Nazura Abdul Manap, Hukuman Bagi Kesalahan Seksual Di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan Kepada Hukum yang Lebih Berat, (2012) 16 JUUM 29-42.

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995.

Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf: Penamaan, Pergaulan dan Hak-haknya, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998, hlm 6-10.

Gusni Saat, Isu-Isu Pelaksanaan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007, Akademika 82(1) 2012 49-55.

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0225&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_32.htm#ixzz2kjANTC4b](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_32.htm#ixzz2kjANTC4b), 15/10/2014.

<http://www.bharian.com.my/articles/26kesbuangbayidilaporkansukupertama2014/Article/>  
15/10/2014.

<http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/Hukumanmatikesbuangbayi/Article/>, 15/10/2014.

Mohd. Nasir Omar, Akhlak dan Kaunseling Islam, Utusan Publication, 2005.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57, 10 Jun 2003.

Paizah Hj Ismail, Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Syariah Dan Perundangan Islam Di Malaysia Jurnal Fiqh, No. 10 (2013) 77-90.

Yusuf al-Qardhawi, terjemahan oleh Syed Ahmad Semait, Halal dan Haram dalam Islam Pustaka Islamiyyah Pte Ltd Singapura, 1995.

Yusuf Al-Qardhawi, *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*, terj. Ustaz Mohamaz Zaini Yahaya, Penerbitan Seribu Dinar, 2012, 137.

Zaini Nasohah, Beberapa Aspek Mengenai Hukuman Jenayah dalam Islam. Al- Syariah Jilid 4, Fiqh Jenayah, Siti Zalikhah Md Nor et al. Dewan Bahasa dan Pustaka 2008.